

## **TERMA DAN SYARAT KAD KREDIT HONG LEONG BANK INFINITE/ INFINITE EDISI DOKTOR**

Terma dan syarat berikut hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Perjanjian Pemegang Kad ("Perjanjian") Hong Leong Bank ("Bank"). Melainkan dan kecuali mengenai variasi yang dinyatakan di bawah, semua terma dan syarat Perjanjian adalah dikenakan. Sekiranya berlaku sebarang pertikaian atau percanggahan di antara terma dan syarat Perjanjian dengan Terma dan Syarat Kad Kredit Hong Leong Bank Infinite/ Infinite Edisi Doktor ("Terma dan Syarat Kad") yang terkandung di sini, Terma dan Syarat Kad akan mengatasinya setakat yang berkenaan dengan Kad Kredit Hong Leong Bank Infinite/ Infinite Edisi Doktor .

### **1. Definisi:**

- (a) "Kad" bermaksud Kad Kredit Hong Leong Bank Infinite/ Infinite Edisi Doktor yang dikeluarkan oleh pihak Bank dan meliputi kad tambahan, sekiranya berkenaan.
- (b) "Akaun Kad" bermaksud akaun Pemegang Kad Utama dengan pihak Bank, yang dibuka sehubungan dengan Kad.
- (c) "Pemegang Kad Utama" bermaksud Pemegang Kad utama yang Kadnya dikeluarkan oleh pihak Bank
- (d) "Enrich" bermaksud program pengguna penerbangan kerap yang dikendalikan oleh MAS.
- (e) "Ahli Enrich" bermaksud seseorang yang diiktiraf oleh MAS sebagai seorang ahli Enrich mengikut budi bicara mutlak.
- (f) "Enrich Miles" bermaksud kredit (dalam batu) yang diberi oleh MAS kepada seseorang ahli Enrich.
- (g) "MAS" bermaksud Malaysian Airlines System Berhad (No. Syarikat: 10601-W).
- (h) "Saudagar" ialah individu, firma atau syarikat yang terlibat dalam perniagaan menjual dan menyediakan barangan dan/atau perkhidmatan.
- (i) "Ulang Tahun Kad" bermaksud tarikh ulang tahun pengeluaran Kad.
- (j) "Program" bermaksud program Hong Leong Bank Infinite/ Infinite Edisi Doktor Enrich Miles dan termasuk mana-mana variasi atau pindaan terhadapnya yang mungkin dibuat oleh pihak Bank dari semasa ke semasa, mengikut budi bicaranya.
- (k) "Transaksi Runcit" bagi tujuan Program ini, bermaksud pembelian mana-mana barangan atau perkhidmatan di dalam negeri atau luar negara yang dibuat dengan atau dicajkan kepada Kad, tidak termasuk:
  - i) Pindahan Baki Hong Leong Bank
  - ii) Pendahuluan/ pengeluaran tunai/ kuasi-tunai
  - iii) Pelan Perlindungan Kad
  - iv) Tunai Atas Panggilan/ Panggilan Tunai Hong Leong Bank
  - v) Transaksi Runcit yang dikembalikan, dipertikai, tidak sah atau palsu
  - vi) Pembayaran faedah, fi pembayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, Cukai Kerajaan (jika berkenaan) dan apa sahaja bentuk fi perkhidmatan atau pelbagai, Transaksi (-transaksi) Kad yang seumpamanya seperti yang ditentukan oleh pihak Bank dari semasa ke semasa.
- (l) "RM" atau "Ringgit" bermaksud Ringgit Malaysia.
- (m) "Pemegang Kad Tambahan" bermaksud orang yang Kad Tambahan dikeluarkan oleh pihak Bank kepadanya setelah dimohon oleh Pemegang Kad Utama
- (n) Melainkan dinyatakan sebaliknya dalam konteks, perkataan dan ekspresi yang ditakrifkan atau dimaksudkan dalam Perjanjian membawa maksud yang sama apabila digunakan atau dirujuk di sini dan perkataan yang merujuk kepada jantina lelaki hendaklah meliputi jantina wanita manakala perkataan yang merujuk kepada bilangan tunggal hendaklah meliputi bilangan majmuk dan sebaliknya.

2. Program ini disediakan kepada Pemegang Kad Utama dan adalah tertakluk kepada terma dan syarat berikut serta terma dan syarat dalam Perjanjian.
3. Untuk layak menikmati Enrich Miles, Pemegang Kad Utama mestilah seorang Ahli Enrich yang berdaftar dengan MAS dan Akaun Kad mestilah sah/ aktif, dalam kedudukan yang baik, bukan berada dalam status culas dan mestilah tidak melanggar mana-mana Terma dan Syarat Kad serta terma dan syarat Perjanjian. Kelayakan akan dibatalkan sekiranya Pemegang Kad Utama telah melakukan atau disyaki melakukan sebarang tindakan pemalsuan, menyalahi undang-undang atau salah sehubungan dengan Akaun Kad dan/ atau kemudahan atau perkhidmatan lain yang disediakan oleh pihak Bank.
4. Sekiranya Pemegang Kad Utama bukan seorang Ahli Enrich berdaftar pada masa permohonan Kad, Pemegang Kad Utama dengan ini memberi kuasa dan mengizinkan pihak Bank untuk mendedahkan maklumat peribadi Pemegang Kad Utama kepada MAS untuk tujuan permohonan pendaftaran Pemegang Kad Utama dengan MAS sebagai seorang Ahli Enrich. Maklumat peribadi yang mungkin didedahkan oleh pihak Bank adalah meliputi nama, nombor kad pengenalan, nombor pasport, alamat, tarikh lahir, alamat emel, nombor (-nombor) untuk dihubungi seperti yang diperlukan oleh MAS untuk memproses permohonan Pemegang Kad sebagai Ahli Enrich.
5. Enrich Miles diberi kepada Pemegang Kad Utama yang layak berdasarkan jumlah Transaksi Runcit yang dibuat dengan Kad dan dikumpul secara harian mengikut setiap transaksi yang dibuat dan dikenakan kepada Enrich Miles terdekat mengikut kaedah berikut:

<b>Transaksi Runcit Dalam Negara</b>	<b>Transaksi Runcit Luar Negara</b>
Bagi setiap dua (2) Ringgit dan lapan puluh (80) sen (RM2.80) nilai Transaksi Runcit yang ditransaksikan di dalam Malaysia dan dalam Ringgit Malaysia yang dikenakan pada Akaun Kad, satu (1) Enrich Mile akan dikreditkan kepada Akaun Kad	Bagi setiap satu (1) Ringgit dan lapan puluh (80) sen (RM1.80) nilai Transaksi Runcit yang ditransaksikan di luar Malaysia dan dalam matawang selain daripada Ringgit Malaysia yang dikenakan pada Akaun Kad, satu (1) Enrich Mile akan dikreditkan kepada Akaun Kad

Enrich Miles yang diperolehi adalah pada kadar tertentu seperti yang ditetapkan oleh pihak Bank dan pihak Bank berhak untuk mempelbagaikan kadar tersebut dengan notis terlebih dahulu yang mana Enrich Miles akan diberi dari semasa ke semasa mengikut budi bicaranya yang mutlak dan tunggal.

6. Enrich Miles yang diperolehi oleh Pemegang Kad Tambahan akan dikreditkan ke dalam Akaun Kad Pemegang Kad Utama. Jumlah Enrich Miles yang diperolehi secara bersama oleh Pemegang Kad Utama dan Pemegang Kad Tambahan (dirujuk secara bersama sebagai "Pemegang Kad") akan dipaparkan dalam penyata akaun bulanan Pemegang Kad Utama dan akan dikreditkan ke akaun Enrich Pemegang Kad Utama dengan MAS.

7. Enrich Miles yang diperolehi seperti yang dinyatakan dalam Klausa 6 di atas akan dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad Utama dengan MAS. Bagi mengelakkan keraguan, walaupun Enrich miles boleh diberi sehubungan dengan Transaksi Runcit yang dibuat oleh Pemegang Kad Tambahan, namun begitu Enrich Miles tersebut akan hanya dikreditkan kepada Akaun Enrich Pemegang Kad Utama dan hanya Pemegang Kad Utama berhak untuk membuat sebarang penebusan Enrich Miles.
8. Pihak Bank akan berusaha sebaik mungkin untuk membuatkan Enrich Miles dikreditkan kepada akaun Enrich Pemegang Kad Utama dengan MAS pada penghujung bulan kalendar mengikut tarikh penyata yang berkaitan dengan Kad. Namun begitu, pihak Bank mungkin mempelbagaikan tarikh dan kekerapan pengkreditan Enrich Miles tersebut mengikut budibicaranya yang tunggal dan mutlak dengan notis terlebih dahulu. Meskipun Enrich Miles yang diperolehi oleh Pemegang Kad akan dinyatakan dalam penyata bulanan akaun Kad Pemegang Kad Utama, hanya Enrich Miles yang telah dikreditkan ke dalam Akaun Enrich Pemegang Kad dengan MAS yang boleh ditebus. Pihak Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kelewatan dan/ atau ketinggalan dalam memproses dan mengkreditkan Enrich Miles kepada akaun Enrich Pemegang Kad Utama dengan MAS.
9. Enrich Miles yang dikreditkan ke dalam akaun Enrich Pemegang Kad Utama dengan MAS hanya boleh digunakan untuk penebusan yang dibuat di bawah Program Enrich, tertakluk kepada terma dan syarat yang dikenakan oleh MAS yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.
10. Enrich Miles yang diperolehi tidak mempunyai nilai tunai atau kewangan. Melainkan dinyatakan sebaliknya, Enrich Miles yang diperolehi tidak boleh dipindahmilik kepada sesiapa atau pihak ketiga atau entiti ataupun ditukarkan untuk tunai atau kredit. Bagi mengelakkan keraguan, Enrich Miles daripada Akaun Kad yang telah luput atau ditutup tidak boleh dipindahkan kepada mana-mana Akaun Kad sedia ada.
11. Pihak Bank mempunyai hak dan budibicara mutlak pada bila-bila masa dengan notis terlebih dahulu dan tanpa perlu memaklumkan sebarang alasan kepada Pemegang Kad serta tanpa liabiliti kepada Pemegang Kad, untuk menggantung, membatalkan dan/ atau menamatkan atau mempelbagaikan Program ini bagi tempoh masa yang tidak pasti. Tanpa menghadkan keluasan makna peruntukan-peruntukan yang berkuatkuasa, pihak Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan kepada Pemegang Kad untuk penggantungan, pembatalan atau penamatan Program atau sebarang manfaat yang tersedia di bawahnya jika MAS mengambil semula atau menarik balik mana-mana manfaat atau tawaran yang dibuat di bawah Program, termasuk sebarang pembatalan, penggantungan, penarikan dan/ atau perubahan Enrich dalam apa jua keadaan yang menjejaskan pihak Bank dan/ atau Pemegang Kad. Semasa tempoh promosi atau jualan istimewa, MAS dan pihak Bank berhak untuk menggantung semua atau mana-mana manfaat yang tersedia di bawah Program dengan notis terlebih dahulu kepada Pemegang Kad.

12. Pemegang Kad Utama hendaklah menghubungi MAS dan berurusan secara langsung dengan MAS sehubungan dengan penebusan Enrich Miles atau sebarang pertanyaan atau pertikaian berkaitan dengan akaun Enrich Pemegang Kad Utama dengan MAS. Pihak Bank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan kepada Pemegang Kad Utama terhadap sebarang tindakan atau ketinggalan oleh MAS sehubungan dengan Enrich, termasuk tetapi tidak terhad kepada penebusan Enrich Miles oleh Pemegang Kad Utama.
13. Sekiranya Kad Pemegang Kad Utama dibatalkan atau ditamatkan sama ada oleh Pemegang Kad Utama atau pihak Bank, Pemegang Kad Utama tidak berhak mendapat Enrich Miles yang diperolehi menerusi Transaksi Runcit yang dibuat dengan Kad yang belum dikreditkan kepada akaun Enrich Pemegang Kad Utama dengan MAS meskipun Enrich Miles yang diperolehi itu mungkin telah dimasukkan ke dalam penyata akaun Pemegang Kad Utama. Enrich Miles yang diperolehi itu akan dibatalkan secara automatik dan/ atau dibatalkan berikutan pembatalan/ penamatan Kad tersebut. Sekiranya Kad Pemegang Kad digantung sementara, Enrich Miles yang diperolehi menerusi Transaksi Runcit yang dibuat dengan Kad yang belum dikreditkan kepada akaun Enrich Pemegang Kad Utama dengan MAS tidak akan dikreditkan kepada akaun Pemegang Kad Utama dengan MAS tetapi akan terus mengumpulkan ("Enrich Miles Terkumpul"). Enrich Miles Terkumpul sedemikian akan hanya dikreditkan kepada Akaun Enrich Pemegang Kad Utama dengan MAS setelah penggantungan tersebut ditarik balik. Sekiranya penggantungan tidak ditarik balik dan Kad tersebut dibatalkan atau ditamatkan, Enrich Miles Terkumpul sedemikian akan dibatalkan dan Pemegang Kad tidak akan mempunyai hak tuntutan kepada pihak Bank atau MAS sehubungan dengan Enrich Miles Terkumpul yang dibatalkan itu.
14. Sekiranya mana-mana Transaksi Runcit terpaksa dibalikkan atau dibatalkan pada Kad yang akan ditentukan mengikut budibicara mutlak pihak Bank tanpa melibatkan sebarang liabiliti oleh pihak Bank, pihak Bank berhak mengikut budibicara tunggal dan mutlaknya untuk:
  - (a) Meminta MAS untuk mendebitkan akaun Enrich Pemegang Kad Utama untuk Enrich Miles berkenaan yang diperolehi daripada Transaksi Runcit berkaitan yang perlu dibalikkan atau dibatalkan; atau
  - (b) Mendebitkan akaun Kad Pemegang Kad Utama untuk Enrich Miles yang diperolehi daripada Transaksi Runcit yang perlu dibalikkan atau dibatalkan berdasarkan kadar penukaran tertentu seperti yang ditentukan oleh pihak Bank mengikut budi bicara tunggal dan mutlaknya, sekiranya Enrich Miles yang diperolehi daripada Transaksi Runcit tersebut telah ditebus oleh Pemegang Kad Utama.
15. Transaksi Runcit yang dibuat menggunakan Kad dan penukarannya kepada Enrich Miles akan dipaparkan dalam penyata bulanan akaun Kad yang dikeluarkan oleh pihak Bank kepada Pemegang Kad. Pemegang Kad dengan ini bersetuju secara nyata dan berjanji dengan pihak Bank bahawa adalah menjadi kewajipan Pemegang Kad untuk melaporkan kepada pihak Bank secara bertulis dan dalam tempoh masa tertentu seperti yang mungkin dinyatakan oleh pihak Bank dalam Perjanjian mengenai sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan dalam apa jua bentuk sekalipun yang dinyatakan dalam penyata bulanan Kad, terutamanya sehubungan dengan Transaksi Runcit yang berkaitan dengan Enrich Miles yang diperolehi. Sekiranya Pemegang Kad tidak memaklumkan pihak Bank secara bertulis

mengenai sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan tersebut dalam tempoh masa yang ditetapkan, Pemegang Kad akan dianggap telah menerima entri tersebut sebagai betul dan muktamad serta bukti konklusif fakta yang terkandung di situ dan penyata tersebut akan dianggap sebagai terikat kepada Pemegang Kad dan Pemegang Kad tersebut adalah terhalang daripada membuat sebarang tuntutan terhadap pihak Bank dengan mendakwa bahawa penyata tersebut mengandungi sebarang kesilapan, percanggahan atau ketidaktepatan.

16. Terma dan syarat dalam dokumen ini adalah dikawal selia dan ditakrif mengikut undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk mematuhi bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

17. Setelah memberi notis terlebih dahulu, pihak Bank berhak untuk mempelbagai (sama ada dengan menambah, memotong, mengubahsuai, meminda atau apa cara sekalipun) ("Pindaan") sebarang terma dan syarat di sini, termasuk tetapi tidak terhad kepada, menukar dan/ atau menarik balik Program atau menukar penyedia perkhidmatan daripada MAS kepada penyedia perkhidmatan lain yang serupa. Makluman kepada Pemegang Kad sehubungan dengan Pindaan tersebut akan dibuat mengikut budibicara mutlak pihak Bank menerusi salah satu kaedah komunikasi berikut, iaitu menerusi pos biasa kepada alamat terakhir Pemegang Kad yang diketahui atau dengan memaparkan notis berkaitan Pindaan tersebut di setiap cawangan Bank atau menerusi iklan berkenaan Pindaan tersebut di sebuah (1) akhbar pilihan Bank, atau menerusi laman web Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau dengan cara makluman lain yang boleh dipilih oleh pihak Bank dan bahawa Pindaan tersebut akan dianggap terikat kepada Pemegang Kad mulai tarikh makluman Pindaan tersebut atau mulai tarikh yang mungkin dinyatakan oleh pihak Bank dalam makluman tersebut. Pemegang Kad bersetuju untuk tidak membuat sebarang dakwaan atau tuntutan untuk gantirugi terhadap pihak Bank atas sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami atau ditanggung oleh Pemegang Kad akibat daripada Pindaan tersebut.

18. Keputusan pihak Bank terhadap semua perkara yang berkaitan dengan Program, termasuk penentuan Enrich Miles adalah muktamad dan terikat.

## **TERMA DAN SYARAT YANG MENGAWAL SELIA KAD KREDIT HONG LEONG BANK INFINITE / INFINITE EDISI DOKTOR PROGRAM PLAZA PREMIUM LOUNGE**

Terma dan syarat berikut hendaklah dibaca bersama dengan Terma dan Syarat Perjanjian Pemegang Kad Hong Leong Bank dan Terma dan Syarat (dirujuk secara bersama sebagai Terma dan Syarat Kad") Kad Kredit ("Kad") Hong Leong Bank ("Bank") INFINITE/INFINITE EDISI DOKTOR.

### **KELAYAKAN**

1. Kunjungan ("Kunjungan") ke mana-mana lounge lapangan terbang yang mengambil bahagian di Malaysia dan Singapura ("Plaza Premium Lounges") yang diuruskan oleh Plaza Premium Lounge Malaysia Sdn Bhd ("Plaza Premium") di bawah program Plaza Premium hanya disediakan untuk pemegang kad utama Kad ("Pemegang Kad Utama").

2. Setiap Pemegang Kad Utama Baru berhak untuk menikmati Kunjungan sehingga bilangan maksimum yang dinyatakan dalam jadual di bawah, ke mana-mana Plaza Premium Lounges semasa tahun pertama keahlian. Selepas itu, Kunjungan akan diberikan kepada Pemegang Kad Utama secara tahunan tertakluk kepada Pemegang Kad Utama mematuhi criteria berikut serta bilangan maksimum seperti yang dinyatakan di bawah:

<b>Transaksi Runcit Terkumpul Minimum pada tahun sebelumnya*</b>	<b>Bilangan Maksimum Kunjungan setiap tahun</b>
RM 100,000	Four (4)

\*Bagi tujuan menentukan Transaksi Runcit Terkumpul pada tahun sebelumnya:

- (a) Tahun sebelumnya adalah merujuk kepada dua belas (12) bulan kalendar sebelum tarikh ulang tahun Kad;
  - (b) "Transaksi Runcit" bagi tujuan terma dan syarat ini pembelian mana-mana barangan atau perkhidmatan di dalam negara atau luar negara yang telah dibuat dengan atau dicajkan kepada Kad tetapi tidak termasuk:
    - i) Pindahan Baki Hong Leong Bank
    - ii) Pendahuluan/ pengeluaran tunai/ kuasi-tunai
    - iii) Pelan Perlindungan Kad
    - iv) Tunai Atas Panggilan/ Panggilan Tunai Hong Leong Bank
    - v) Transaksi Runcit yang dikembalikan, dipertikaikan, tidak dibenarkan atau palsu
    - vi) Pembayaran faedah, fi pembayaran lewat, caj untuk pengeluaran tunai, Cukai Kerajaan (jika berkenaan) dan sebarang bentuk fi perkhidmatan
  - (c) Transaksi Runcit Terkumpul yang dibuat oleh pemegang kad Utama dan Tambahan (secara bersama dirujuk di sini sebagai "Pemegang Kad") Kad akan disatukan bagi tujuan menentukan kelayakan Pemegang Kad terhadap Kunjungan.
  - (d) Sebarang serahan lewat mana-mana pembelian yang dibuat semasa bulan kedua belas (12) tahun sebelumnya oleh mana-mana saudagar atas sebarang sebab sekalipun yang menyebabkan transaksi tersebut tidak dimasukkan pada Akaun Pemegang Kad dan Transaksi Runcit Terkumpul Minimum tidak dicapai tidak akan diambil kira.
3. Pemegang Kad Utama tidak berhak untuk kunjungan dalam tahun tertentu sekiranya mereka tidak memenuhi Transaksi Runcit Terkumpul Minimum yang dinyatakan dalam Klausa 2 bagi tahun sebelumnya. Namun begitu, ini tidak akan menjadi prejudis kepada kelayakan Pemegang Kad Utama untuk membuat Kunjungan bagi tahun berikutnya jika Transaksi Runcit Terkumpul Minimum dipenuhi.
4. Bagi mendapatkan akses ke Plaza Premium Lounges, Pemegang Kad dikehendaki menunjukkan Kad yang sah dan melengkapkan borang pengesahan yang berkaitan atau borang sedemikian yang mungkin dikehendaki oleh Plaza Premium sebagai rekod kunjungan Pemegang Kad.
5. Kunjungan adalah melibatkan Plaza Premium Lounges yang terdapat di Malaysia dan Singapura. Direktori lounge yang mengambil bahagian ada dipaparkan di laman web Bank iaitu di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my)

6. Kunjungan adalah secara peribadi kepada Pemegang Kad Utama sahaja. Pemegang Kad Tambahan dan tetamu (-tetamu) Pemegang Kad adalah tertakluk kepada caj tetamu mengikut fi yang dinyatakan oleh Plaza Premium dan sepertimana yang boleh dipinda dari semasa ke semasa.

#### **AM**

7. Pemegang Kad Utama dengan ini memberi kuasa kepada pihak Bank untuk mendedahkan data peribadi Pemegang Kad Utama, yang meliputi nama, nombor Kad, status Kad dan tarikh luput kepada Plaza Premium bagi membolehkan Pemegang Kad Utama untuk menikmati Kunjungan.
8. Pihak Bank tidak membuat sebarang gambaran atau waranti sehubungan dengan Plaza Premium Lounges dan/ atau perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh Plaza Premium (“Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge”), dan terutamanya, tidak membuat waranti sehubungan dengan kualiti Plaza Premium Lounges serta Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge atau kesesuaiannya bagi sebarang tujuan, mahupun pihak Bank boleh dipertanggungjawabkan kepada Pemegang Kad dan/ atau tetamu(-tetamu) Pemegang Kad atas sebarang tindakan atau ketinggalan Plaza Premium sehubungan dengan Plaza Premium Lounges dan/ atau Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge.
9. Akaun(-akaun) Kad Kredit Pemegang Kad MESTILAH sah/ aktif, dalam kedudukan baik, MESTILAH TIDAK dalam status culas dan MESTILAH TIDAK melanggar mana-mana terma dan syarat ini serta Terma dan Syarat Kad pada masa Pemegang Kad menikmati Kunjungan.
10. Dengan menggunakan Kunjungan, Pemegang Kad Utama mengakui bahawa beliau telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini serta sebarang keputusan pihak Bank sehubungan dengan Plaza Premium Lounges adalah muktamad dan terikat kepada semua Pemegang Kad dan sebarang surat-menyurat dan/ atau rayuan selanjutnya untuk mempertikaikan keputusan sedemikian tidak akan dilayan.
11. Pihak Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab terhadap sebarang pertikaian yang mungkin berlaku di antara Pemegang Kad dan/ atau tetamu(- tetamu) Pemegang Kad, dan pengendali Plaza Premium Lounge, Plaza Premium, dan/ atau pengendali lounge-lounge yang mengambil bahagian dalam program Plaza Premium, ataupun disebabkan sebarang kehilangan atau kerugian yang timbul atau ditanggung oleh Pemegang Kad dan/ atau tetamu (- tetamu) Pemegang Kad dalam apa keadaan sekalipun, sehubungan dengan mana-mana kunjungan ke lounge.
12. Penggunaan Plaza Premium Lounges serta Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge adalah tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang ditetapkan oleh Plaza Premium. Terma dan syarat untuk penggunaan Plaza Premium Lounges adalah tertakluk kepada perubahan oleh Plaza Premium dan perubahan sedemikian akan dinyatakan di laman web Plaza Premium iaitu di <https://www.plaza-network.com>
13. Pemegang Kad dan tetamu(-tetamu) Pemegang Kad tidak dibenarkan berkomunikasi secara langsung dengan pengendali mana-mana lounge yang mengambil bahagian dalam program Plaza Premium mengenai apa jua perkara

yang melibatkan program akses lounge eksekutif lapangan terbang yang disediakan di bawah program Plaza Premium. Semua pertanyaan, aduan, permintaan untuk bantuan dan apa sahaja yang berkaitan dengan Plaza Premium Lounges dan/ atau Kemudahan dan Perkhidmatan Lounge hendaklah dibuat dengan kakitangan pentadbiran Plaza Premium sahaja dan hanya kakitangan tersebut yang akan bertanggungjawab untuk menyelesaikan perkara tersebut serta memberi jawapan balas kepada pihak yang bertanya dalam tempoh masa yang munasabah selepas dihubungi. Kakitangan pentadbiran Plaza Premium boleh dihubungi menerusi emel di <http://www.plaza-network.com> atau telefon +603 8787 2323.

14. Pemegang Kad dan/ atau tetamu(-tetamu) Pemegang Kad tidak boleh mempertanggungjawabkan pihak Bank atau Plaza Premium untuk (i) mana-mana kehilangan langsung atau tidak langsung yang berpunca daripada mana-mana penutupan atau penamatan penglibatan mana-mana lounge lapangan terbang dalam program Plaza Premium pada bila-bila masa; dan/ atau (ii) sebarang kehilangan atau kecederaan yang dialami oleh Pemegang Kad dan/ atau tetamu(-tetamu) Pemegang Kad sewaktu berada di dalam mana-mana lounge yang mengambil bahagian dalam program Plaza Premium pada bila-bila masa.
15. Pemegang Kad Utama akan tidak lagi berpeluang untuk menikmati Kunjungan sekiranya pihak Bank membatalkan atau tidak memperbaharui Kad Pemegang Kad Utama dan/ atau program Plaza Premium. Pemegang Kad adalah bertanggungjawab terhadap kos untuk semua Kunjungan yang dibuat oleh Pemegang Kad dan mana-mana tetamu Pemegang Kad selepas pembatalan atau tamatnya Kad dan/ atau program Plaza Premium.
16. Pihak Bank tidak berkewajipan dan tidak boleh dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab bagi memastikan ketepatan maklumat yang diberi dalam mana-mana Direktori, dokumen, rekabentuk atau lakaran atau komunikasi lain yang dibekalkan oleh Plaza Premium.
17. Dalam apa jua keadaan sekalipun, pihak Bank tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang kehilangan atau kerugian yang dialami oleh Pemegang Kad, tetamu(- tetamu) Pemegang Kad atau mana-mana pihak (termasuk tanpa terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, kerugian secara langsung atau tidak langsung, sampingan, turutan, teladan, punitif atau khas) yang timbul sama ada dalam kontrak, tort, kecuaiian atau sebaliknya, sehubungan dengan program Plaza Premium, sekalipun jika pihak Bank telah dimaklumkan lebih awal mengenai kemungkinan kerugian sedemikian, dan semua kerugian sedemikian tidak dimasukkan.
18. Pemegang Kad akan melindungi dan memastikan pihak Bank bebas daripada sebarang dan semua tindakan, tuntutan, kehilangan, kos (termasuk fi guaman yang munasabah), kerugian dan perbelanjaan yang berpunca daripada mungkir, pelanggaran dan/ atau kegagalan Pemegang Kad atau tetamu Pemegang Kad terhadap Syarat-syarat Penggunaan seperti yang dinyatakan oleh Plaza Premium dan terma dan syarat ini.
19. Setelah memberi notis terlebih dahulu, pihak Bank berhak untuk mempelbagai (sama ada dengan menambah, memotong, mengubah suai, meminda atau sebaliknya)("Pindaan") mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini,



termasuk menukar atau menarik balik program Plaza Premium secara keseluruhannya. Maklumat kepada Pemegang Kad yang sehubungan dengan Pindaan akan berkuatkuasa mengikut budibicara mutlak pihak Bank, meneuris salah satu kaedah komunikasi berikut, iaitu, menerusi pos biasa kepada alamat Pemegang Kad yang terakhir diketahui atau dengan memaparkan notis berkenaan Pindaan tersebut di setiap cawangan Bank atau dengan mengiklankan mengenai Pindaan tersebut di sebuah (1) akhbar pilihan Bank, atau menerusi laman web Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) atau menerusi kaedah makluman yang boleh dipilih oleh pihak Bank dan Pindaan tersebut akan dianggap terikat kepada Pemegang Kad mulai tarikh makluman Pindaan tersebut atau mulai tarikh lain yang boleh ditentukan oleh pihak Bank dalam makluman tersebut.

20. Sekiranya terdapat sebarang ketakkonsistenan, pertikaian, kekaburan atau percanggahan di antara Terma dan Syarat Kad dengan terma dan syarat ini, maka terma dan syarat ini akan diguna pakai setakat ketakkonsistenan, pertikaian, kekaburan atau percanggahan sedemikian.
21. Terma dan syarat yang terkandung di sini akan ditadbir dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Kad bersetuju untuk mengemukakan ia kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
22. Perkataan yang bererti golongan termasuk semua golongan yang lain dan perkataan yang bererti singular termasuk bilangan plural dan sebaliknya